# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

## TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
## TUAN HAJI MAT NOOR BIN MAHMOOD PS, PPN
## GURU UTAMA PERTUBUHAN SENI SILAT TERLAK EMPAT KELANTAN


OLEH:

| | |
|---|---|
| NURSURIATI BT JUSOH | 2013718479 |
| SITI NAEMAH NADWAH BT WAHAB | 2013318293 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 - JULAI 2015)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# TUAN HAJI MAT NOOR BIN MAHMOOD PS, PPN
# GURU UTAMA PERTUBUHAN SENI SILAT TERLAK EMPAT KELANTAN

OLEH:


| | |
|---|---|
| NURSURIATI BT JUSOH | 2013718479 |
| SITI NAEMAH NADWAH BT WAHAB | 2013318293 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 - JULAI 2015)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Syukur alhamdulilah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan restu-Nya, kami dapat menyiapkan projek pendokumentasian sejarah lisan ini tepat pada masa dan waktu yang telah ditetapkan. Pertamanya, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Puan Nurulannisa bt Abdullah, pensyarah Fakulti Pengurusan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi Mara selaku pensyarah bagi subjek ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, dorongan dan teguran dalam menyempumakan pendokumentasian sejarah lisan ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih ditujukan khas kepada individu yang dikaji iaitu Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood serta keluarga kerana telah banyak membantu dan memberi kerjasama dalam menyiapkan pendokumentasian sejarah lisan ini.

Sekalung penghargaan juga buat teman-teman kerana banyak memberi motivasi dan sokongan dikala susah dan senang. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan pendokumentasian sejarah lisan ini.

Sekian, terima kasih.

# ISi KANDUNGAN

# ISi KANDUNGAN

**TAJUK** **MUKA SURAT**

Penghargaan...... ........... ................................................ i
lsi Kandungan... ....... .......... ....................................... iii
Abstrak.................................................................... v
Biodata Tokoh............................................................... vii
Pengenalan. ................................................................ xiii

*Transkrip*

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.. ...................................... 02
Bahagian B: Sejarah pendidikan... ............... ................. ........ 21
Bahagian C: Pengalaman Kerjaya.......................................... 42
**Rujukan.....................................................................** **88**

Lampiran

Log Wawancara............................................................ 90
Diari Kajian................................................................ 102
Senarai soalan.............................................................. 103
Surat Perjanjian............................................................. 109
Gambar..................................................................... 111
Indeks...................................................................... 116

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara pelajar dan tokoh iaitu Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood mengenai latar belakang, kerjaya dan penga/aman beliau dalam bidang persilatan. Beliau te/ah berkecimpung dalam dunia persilatan sejak berumur IO tahun sehingga sekarang. projek pendokumentasian sejarah lisan ini dijalankan di rumah Tuan Haji Mat Noor bin Mahmmod yang bertempat di Kampung Tunjung Pendek, Ja/an Kuala Krai, Kota Bharu Kelantan pada 4 April 2015. Beliau merupakan guru utama da/am Pertubuhan Seni Silat Terlak Empat bagi negeri Kelantan. pendokumentasian sejarah /isan ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau sebelum menjadi guru utama dalam dunia persilatan. Selain itu, be/iau turut menceritakan mengenai sejarah pendidikan iaitu dari segi aspek pembe/ajaran di sekolah dan pembelajaran mengenai dunia persilatan. Tambahan pula, beliau turut berkongsi cerita mengenai pengalaman beliau sepanjang menyertai dunia persilatan iaitu dari peringkat bawahan sehingga mewakili Negara. Beliau juga amat berharap agar suatu ketika nanti semua ilmu persilatan akan diwarisi oleh anak-anak dan ilmu persilatan ini dapat dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.*

**Kata kunci:** *Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood,Pak Su, silat, kerjaya, pendidikan, latihan, pengalaman.*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Tuan Haji Mat Noor Bin Mahmood P.S, P.P.N |
| Nama Panggilan | : | Pak Su Noor |
| Tarikh Lahir | : | 2 November 1948 |
| No. Kad Pengenalan | : | 481102-03-5061 |
| Keturunan | : | Melayu |
| Alamat Rumah | : | Lot 977, Kampung Tunjung Pendek, Jalan Kuala Krai, 16010 Kota Bharu Kelantan |
| Taraf Perkahwinan | : | Kahwin |
| Pekerjaan | : | Pesara |
| Warganegara | : | Malaysia |

PERGURUAN

Nama : Pertubuhan Seni Silat Terlak Empat Kelantan

Alamat : Lot 977, Kampung Tunjung Pendek, Jalan Kuala Krai, 16010 Kota Bahru Kelantan

No. Berdaftar : Kelantan & Terengganu (0197/98)

Jumlah Ahli : 7000 Orang

Jawatan Dalam Perguruan : Guru Utama

ANUGERAH DAN PENERIMAAN PINGAT

1995 : Darjah Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S)

1999 : Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)

2002 : Anugerah Seni Kebudayaan Negeri Kelantan (Kategori penerima jasa budaya)

PENGALAMAN DALAM SUKAN DAN PENCAK SILAT

**PERINGKAT NEGERI:**

1965-1967 : Mewakili Negeri Kelantan dalam bola sepak

1965-1980 : Mewakili Nergeri Kelantan dalam olahraga (Acara 100M, 200M, 4XlO0M dan lompat jauh)

1968-1970 : Mewakili negeri Terengganu dalam bola sepak

| | | |
|---|---|---|
| 1972-1974 | : | Mewakili negeri Kelantan dalam bola sepak (MAK.SAK) |
| 1984 | : | Kursus jurulatih wasit/ juri zon timur di Pahang |
| | : | Dipilih sebagai jurulatih negeri ke silat olahraga pertama di Kuala Lumpur |
| 1985 | : | Dipilih sebagai jurulatih, kursus jurulatih wasit/ juri zon timur di Terengganu |
| 1948 hingga sekarang | : | Dipilih sebagai ketua pertandingan dan dewan hakim di kejuaraan silat olahraga negeri |
| 2000 hingga sekarang | : | Naib presiden pesaka Kelantan |

**PERINGKAT SUKAN MALAYSIA DAN KEJUARAAN SILAT KEBANGSAAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1984 | : | Ketua jurulatih dan wasit/ juri kejuaraan silat pertama di Kuala Lumpur |
| 1985 | : | Ketua jurulatih dan wasit/ juri kejuaraan silat kedua di Johor |
| 1986 | : | Ketua jurulatih dan wasiat/ juri Dewan Pendekar kejuaraan silat ketiga di Terengganu |
| 1988 | : | Ketua jurulatih dan wasit/ juri Dewan Hakim kejuaraan silat keempat di Negeri Sembilan |
| | : | Jurulatih pasukan Kelantan ke Sukma Kuala Lumpur |
| 1990 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan kelima bagi Negeri Kelantan di Selangor dan Sukan Malaysia di Sarawak. |

| | | |
|---|---|---|
| 1991 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan keenam bagi Negeri Kelantan di Kedah |
| 1992 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan ketuujuh bagi Negeri Kelantan di Melaka dan sukan Malaysia di Johor |
| 1994 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan kelapan bagi Negeri Kelantan di Pulau Pinang dan Sukan Malaysia di Perak |
| 1996 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan kesembilan bagi negeri Kelantan di Sarawak dan Sukan Malaysia di Pahang |
| 1998 | : | Ketua jurulatih silat kebangsaan kesepuluh bagi Negeri Kelantan di Pulau Pinang |
| 2000 | : | Ketuajurulatih silat kebangsaan kesebelas bagi Negeri Kelantan di Kuala Lumpur dan sukan Malaysia di Selangor |
| 2002 | : | Ketuajurulatih silat kebangsaan Negeri Kelantan dan sukan Malaysia di Sabah |
| 2003 | : | Pengurus silat di Festival Seni Beladiri Diraja Pahang |
| 2004 | : | Pengurus silat kebangsaan bagi Negeri Kelantan dan Pahang |
| | : | Pengurus silat di kejuaraan Pencak Silat Remaja Kebangsaan kali ke-4 Kedah |
| 2005 | : | Pengurus silat di Festival Silat Diraja Pahang |

**PERINGKAT ANTARABANGSA**

| | | |
|---|---|---|
| 1988 | : | Jurulatih kejuaraan silat terbuka Singapura di Singapura |
| 1989 | : | Jurulatih ke Sukan Sea ke - 15 di Kuala Lumpur |
| 1990 | : | Jurulatih ke Sukan Sea ke -16 di Manila |
| 1992 | : | Jurulatih ke kejuaraan silat terbuka Thailand di Pattani Thailand |
| | : | Jurulatih ke kejuaraan silat terbuka di Vienna Austria |
| | : | Jurulatih pasukan Negara Palestin ke kejuaraan silat dunia di Jakarta, Indonesia |
| 1994 | : | Jurulatih ke kejuaraan pencak silat dunia di Hadyai, Thailand |
| 1995 | : | Ketua jurulatih pencak silat Sukan Sea di Chiang Mai, Thailand |
| 1997 | : | Ketuajurulatih ke pencak silat Sukan Sea Jakarta, Indonesia |
| | : | Juri silat seni di kejuaraan dunia pencak silat di Kuala Lumpur |
| 2001 | : | Jaatankuasa kejuaraan pencak silat Sukan Sea di Malaysia |
| 2005 | : | Penasihat kejurulatihan pencak silat Sukan Sea di Manila, Filipina |
| | : | Dilantik ahli dewan Perguruan Pesaka Malaysia |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip wawancara bersama Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood atau lebih dikenali sebagai Pak Su atau Pak Su Noor ini telah dijalankan pada 4 April 2009 di rumah beliau yang bertempat di Kampung Tunjung Pendek, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui mengenai latar belakang dan pengalaman beliau dalam dunia persilatan.

Transkrip wawancara ini dijalankan selama satu jam tiga puluh minit. Penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada kerjaya beliau dalam bidang sukan iaitu Persilatan. Walaupun usia beliau telah mencecah 68 tahun, namun beliau masih aktif dalam dunia persilatan sehingga ke hari ini.

Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood atau lebih dikenali sebagai Pak Su Noor merupakan seorang insan yang luar biasa dan hebat sejarahnya. Beliau bukan sahaja seorang pesilat yang tersohor di negeri Tanah Sekebun Bunga, malah beliau merupakan bekas Ketua Jurulatih Silat Negeri dan Ketua Jurulatih Silat Malaysia dari tahun 1984 sehingga 2009.

Selain dari bidang persilatan, Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood juga aktif dalam bidang sukan seperti bola sepak, Muay Thai, olahraga dan lain-lain. Beliau telah menyertai beberapa pasukan bola sepak sewaktu muda dahulu iaitu sekitar era 60-an dan pernah mewakili negeri Terengganu dan Kelantan.

Haji Mat Noor telah menerima pendidikan awal di sekola Melayu iaitu Sekolah Kebangsaan Pangkal Kalong kemudian berpindah ke Sekolah Kebangsaan Padang Garong Kota Bahru, Kelantan. Apabila tamat sekolah rendah, beliau telah menyambung pelajaran ke sekolah menengah di Maktab Sultan Ismail Kota Bahru atau lebih dikenali sebagai SIC merupakan sebuah sekolah kluster yang terletak di Jalan Telipot. Maktab Sultan Ismail

ditubuhkan sebagai Ismail English School (IES) pada 5 Januari 1936 bersempena nama DYMM Sultan Ismail Ibni Al Marhum Sultan Muhammad IV yang memerintah pada masa itu. Beliau juga dapat bertutur dengan lancar dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Walaupun beliau sering berpindah sekolah, beliau sentiasa berfikiran positif dan menganggap ianya sebagai satu pengalaman yang baru disamping dapat menambah kenalan. Kelulusan tertinggi yang beliau perolehi dalam bidang akademik ialah Sijil Rendah Persekolahan (SRP).

Setelah tamat persekolahan, beliau telah berhijrah ke Terengganu dan memutuskan untuk bekerja secara sambilan di Bukit Besi, Terengganu. Semasa beliau bekerja di sana, beliau telah ditawarkan untuk menyertai pasukan Terengganu dalam sukan bola sepak. Setelah beberapa musin bermain dalam pasukan Terengganu, Tuan Haji Mat Noor telah mendapat tawaran untuk bekerja sebagai Attendan Kesihatan Gururawat terlatih) dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Beliau mula berminat untuk mempelajari silat ketika berumur 11 tahun dibawah bimbingan Cikgu Mat Yazid. Selain dari silat, beliau juga tidak ketinggalan untuk mempelajari Muay Thai daripada Dollah Haji Hitam, Mat Nara dan Dollah Jambu. Hasil daripada penglibatan beliau, beliau telah diamanahkan untuk memimpin beberapa buah persatuan. Antaranya ialah Presiden Silat Terlak Empat Kelantan, Naib Yang di-Pertua PESAKA Kelantan, Dewan Perguruan PESAKA Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Kebudayaan Negeri Kelantan. Selain itu, beliau juga bukan sahaja melatih skuad negeri, malah diberi tanggungjawab bagi melatih skuad Negara ke peringkat antarabangsa.

Kepimpinan Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood dalam bidang persilatan sudah pasti teruji dengan pelbagai cabaran. Berkat daripada jasa-jasa yang ditabur oleh beliau dalam bidang persilatan ini, beberapa anugerah telah diterima oleh beliau. Antara anugerah dan pingat yang beliau perolehi ialah Darjah Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S) pada tahun 1995, Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) pada tahun 1999 dan pada tahun 2002, beliau telah menerima Anugerah Seni Kebudayaan Negeri Kelantan.

Sesungguhnya, segala pengorbanan yang beliau lakukan berbaloi dengan adanya pengiktirafan daripada negeri dan ianya sangat bemilai bagi beliau.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang, sejarah pendidikan dan pengalaman seorang tokoh yang diberi nama Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood yang merupakan guru utama Pertubuhan Seni Silat Terlak Empat bagi negeri Kelantan. Temubual ini telah dijalankan di Kampung Tunjung Pendek, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu Kelantan pada 4 April 2015 yang berlangsung selama satu jam empat puluh satu minit dan dua puluh satu saat. Berikut adalah hasil rakaman antara Tuan Haji Mat Noor bin Mahmmod, Nursuriati bt Jusoh dan Siti Naemah Nadwah bt Wahab.

| Petunjuk: | |
|---|---|
| THMN | : Tuan Haji Mat Noor bin Mahmood |
| NSJ | : Nursuriati bt Jusoh |
| SNNW | : Siti Naemah Nadwah bt Wahab |

**KASET 1 : BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH**

**NSJ : Mula-mula saya *explain* [terangkao] dulu. Saya adalah pelajar UiTM, camni peosyarah saya meoyuruh untuk membuat interview meogenai tokoh-tokoh berkaitan perniagaan atau atlet. Saya dapat *contact* [keoalao) Pak Su melalui saim [kawan) saya, Jun. Jun berkata "*interview* [temuduga] *je* [saja) Pak Su sebabnya Pak Su mempunyai baoyak pengalaman dalam bidang persilatan". Jadi, saya mengambil keputusan untuk memilih Pak Su untuk membuat *interview* (temuduga) ini. Soalan**

pertama saya adalah boleh saya tahu nama penuh Pak Su?

*THMN* : Nama saya Haji Mat Noor bin Mahmood

NSJ : Lepas *tu* [itu] Kalan dalam persilatan ini, apakah nama singkatan Pak Su?

THMN : Pak Su Noor

NSJ : Usia Pak Su sekarang?

THMN : *Enam puluh lapan* [68] tahun

NSJ : Kiranya tarikh lahir dalam surat --*l*

THMN : Tarikh lahir hanya ditulis *empat puluh lapan* [48] sahaja. Dalam itu tak ada bulan, tak ada apa. Sebab waktu dulu, Pak Su sepatutnya lebih lagi. Pak Su di lahirkan pada tahun *empat puluh enam* [46]. Tapi sebab ada satu-satu masalah itu, kita terpaksa tukar kepada umur yang lebih muda. Dulu, *ic* [identification card] boleh dikoyakkan begitu sahaja. Surat-surat beranak ni [ini].

NSJ : Iaoya disebabkao oleh banjir ke memang --?

THMN : Ada ***something*** [sesuatu] la. Untuk kita nak sekolah pada waktu itu. Umur muda sikit supaya kita dapat belajar batik.

**NSJ : Tempat Pak Su lahir?**

THMN : Kita lahir di Kota Bharu di Kampung Kemubu. Dekat je la. Kemubu, Kok Lanas. Tempat tali air. Keluarga Pak Su semua dekat kawasan itu.

**NSJ : Kiranya kawasan ini penuh dengan anak beranak Pak Su?**

THMN : Sini tak. Kat sini Pak Su beli sewaktu bekerja. Jadi Pak Su lahir kat sana kemudian membesar di Kota Bharu. Mak kita bemiaga di Kota Bharu

**NSJ : Pak Su ada berapa orang adik beradik?**

THHM : Kita ada tiga orang adik beradik. Satu abang belah ayah. Satu adik belah mak. ***Makpok*** [ayah] lain-lain. Mak ayah yang sama tiada.

**NSJ : Kiranya, Pak Su ini anak yang ke?**

THHM : Kiranya kalau belah ayah, Pak Su adalah yang bongsu. Kalau belah mak, Pak

Su ada seorang adik yang berlainan ayah dan Pak Su adalah yang sulong.

NSJ : Pak Su mempunyai keluarga angkat tak?

THMN : Keluarga angkat. Tak ada Pak Su

NSJ : Pak Su kan pernah pergi ke Indonesia?

THMN : Yang itu adalah keluarga-keluarga datuk Pak Su yang terdahulu. Anak beranak kepada datuk-datuk Pak Su yang terdahulu. Kira-kira dalam tahun *tujuh puluh tujuh* [1977]

NSJ : Lama tak Pak Su tinggal di Indonesia?

THMN : Setahun

NSJ : Pada waktu itu, Pak Su masih muda lagi?

THMN : Pada tahun *tujuh puluh tujuh* [1977]. Kiranya Pak Su dalam umur dua puluh lebih. *Dua puluh sembilan* [29] tahun

NSJ : Pak Su duduk di sana untuk berlatih silat?

THMN : Pak Su berlatih silat Cimande

NSJ : Pak Su berlatih melalui anak beranak Pak Su?

THMN : Nama tok guru Pak Su tu namanya Bapak Haji Jajali Sang Putra

NSJ : Kiranya pada usia berapakah Pak Su kahwin dengan Mak Su?

THMN : Pak Su kahwin dengan Mak Su pada tahun *lapan puluh* [1980]. Iaitu selepas balik dari Indonesia. Kalau nak tahu dengan lebih lanjut, tanyalah Mak Su (menunjukkan ke arah Mak Su) sebabnya dia ingat semua.

NSJ : Apakah nama penuh Mak Su?

THMN : Hajah Nuriah binti Harun

NSJ : UsiaMakSu?

THH : *Enam puluh satu* [61] tahun

**NSJ** : **Sikit je lab beza umur Pak Su dan Mak Su**

**THMN** : Beza umur adalah enam tahun

**NSJ** : **Adakah Mak Su bekerja?**

**THMN** : Dia adalah seorang jururawat. Tetapi sudah pencen

**NSJ** : **Pak Su ada berapa orang anak dengan Mak Su?**

**THMN** : Empatorang

**NSJ** : **Boleh sebutkan nama?**

**THMN** : Nama pertama, yang sulong perempuan ialah Dewi Sunanti. Yang kedua Dewi Mazwati. Selepas itu yang lelaki ialah nama Mohd Jazli Sang Putra. Selepas itu ialah Mohd Saidie Sang Putra. Itu adalah dari keturunan Jawa

**NSJ** : **Keturunan Jawa? Kiranya Pak Su mempunyai keturunan Jawa dan Indonesia**

**THMN** : Kiranya Sang Putra ni seperti keturunan raja-raja. Contohnya macam Nik dan Wan la kalau ***kat*** [dekat] Malaysia. Arwah bapa Pak Su berpesan "Jikalau

berkahwin, jangan lupa keturunan. Pasal keturunan ini perlu dikekalkan".

S-A-N-G-P-U-T-R-A

NSJ : Kiranya cucu-cucu Pak Su nama keturunan?

THMN : Cucu-cucu hanya menggunakan nama biasa. Cucu yang bakal dilahirkan ini sahaja, Insyaallah akan dibuat besar-besaran. Hal ini kerana Allah S.W.T telah memberi bermacam-macam pedoman. Ada benda datang. Contohnya sewaktu si menantu mengandung, datangnya benda yang baik-baik. Ada yang memberi keris, ada yang datangnya baju jubah putih. Jikalau dia berada di dapur, dia akan ditemani oleh kawannya untuk menjaganya. Pada waktu ini, dia tiada di rumah. Dia *tubik* [keluar]. Dia adalah isterinya Jazli yang bekerja sebagai cikgu. Cucu yang bakal dilahirkan inilah yang bakal dijadikan keturunan

NSJ : Adakah Pak Su hanya mempunyai seorang anak lelaki?

THMN : Pak Su mempunyai dua orang anak lelaki. Seorang lagi sudah berkahwin iaitu anak yang bongsu, tetapi isterinya meminta supaya mengambil keturunan sebelah pihak perempuan. Kena bahagi. Anak Pak Su yang bongsu ambil keturunan sebelah isteri. Isterinya keturunan orang kaya. Anak yang bongsu bekerja di pejabat Belia Pasir Mas. Dia naib juara asia dalam silat

NSJ : Semua anak Pak Su terlibat dalam persilatan?

THMN : Semua anak Pak Su terlibat dalam persilatan. Sebabnya bila mana ayah mengajar, anak-anak biar pandai. Sekurang-kurangnya dia akan tahu sedikit sebanyak mengenai silat. Kalau dia tengok orang main *tak* [tidak] betul, dia akan kata tak betul ni.

NSJ : Kiranya anak-anak Pak Su boleh mengajar silat?

THMN : Semua anak-anak Pak Su boleh mengajar. Contohnya Sunanti, sewaktu di sekolah pada masa dahulu, dia ada terlibat dengan kejohanan silat anggota kerajaan Malaysia dan dia telah menang. Dia juga telah menang di Kedah dan Pineng. Selepas itu dia memasuki jururawat pergigian dan sekarang menetap di Bangi.

NSJ : Boleh tak saya oak tahu mengenai pekerjaan anak Pak Su dari yang sulong sehingga yang bongsu

THMN : Anak Pak Su yang sulong bekerja sebagai jururawat pergigian.

NSJ : Yang kedua?

THMN : Yang kedua bekerja sebagai income tax. Yang ketiga bekerja Pegawai

Kebajikan Masyarakat di Besut dan yang keempat bekerja sebagai Pembantu Belia, Pasir Mas.

NSJ : Kiranya kesemua anak Pak Su tinggal di Kelantan?

THMN : Tak. Yang sulong tinggal di Bangi. Yang ketiga duduk di Jinjang. Baro sampai pukul satu semalam. Dah cuti tiga hari kan.

NSJ : Kesemua anak Pak Su telah nikah?

THMN : Kesemua anak Pak Su telah nikah.

NSJ : Kiranya, berapakah bilangan kesemua cucu-cucu Pak Su?

THMN : Cucu ada dua, tiga, yang ni tambah satu, jadi empat dan yang ini tambah satu (menunjukkan ke arah gambar keluarga di dinding). Semua sekali 6 orang

NSJ : Kesemua anak Pak Su telah mempunyai anak?

THMN : Ya, kesemua anak-anak Pak Su sudah mempunyai anak. Hanya anak Pak Su yang bekerja sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat bakal menjadi ayah.

Isterinya bekerja sebagai cikgu dan dia bekerja sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat.

NSJ : Isterinya guru di sekolah mana?

THMN : Isterinya baru dipanggil ke *interview* [temuduga]. Dia baru tamat pengajian dan baru *start* [mula] posting di tempat yang belurn diketahui lagi.

NSJ : Baru habis belajar ke dab lama?

THMN : Baru habis

NSJ : Kiranya dia berkahwin sewaktu dia tengah belajar?

THMN : Tak, lepas dia kahwin tu, Allah bagi dia rezeki. Selepas dia kahwin, dia boleh pergi. Sewaktu itu suaminya tinggal di Pineng lagi. Dia berkahwin pada tahun *dua ribu tujuh* (2007], kernudian dia boleh sambung belajar. Ketika itu ramai budak kita boleh pergi. Pergi *interview* [ternuduga], ada yang terlibat dengan tari silat, namanya Firdaus, Ilah, dia dan ramai jugak yang boleh pergi. Pergi *UPS!* [Universiti Pendidikan Sultan Idris]

NSJ : Ada tak cucu-cucu Pak Su yang minat dalam silat ini?

THMN : Ada.Ramai

NSJ : Dalam enam orang tu?

THMN : Enam, dalam enam orang ni belaka. Ada satu kali ni, anak yang bongsu ni, yang belia Pasir Mas, dia sekarang ini berumur dua tahun lebih, dia sekarang ni sama dengan yang sorang ni. Masa Pak Su pergi Mekah, masa Pak Su balik Mekah, masa kat air port Kota Bharu, dia pergi ambit Pak Su, dia tengok Pak Su, dia buka silat. Semua orang dekat air port *kelih* [pandang] semua. Selepas dia tengok Pak Su, dia tengok Tok Ma dia. Kawan-kawan Pak Su yang balik sekali dengan Pak Su dari Mekah tanya Pak Su "Siapa ni", Pak Sujawab "cucu ni". Dia pun balas "Oh, patut pun". Tapi cucu Pak Su tu tak ada pada hari ini, dia duduk rumah atuk dia sebelah sana sebabnya esoknya atuknya ada kenduri

NSJ : Kiranya dari kecil lagi ke Pak Su ajar silat kepadanya?

THMN : Ya, dari kecil lagi. Dia tengok saja. Dia tengok *sokmo* [selalu]. Setiap hari Jumaat dia tengok, selepas itu dia buat. Seperti yang ini (menunjukkan ke arah cucunya yang duduk sebelahnya), dia tengok-tengok, selepas itu dia lawan. Tapi dia *slow* [perlahan].

**NSJ : Selain dari negeri Kelantan, Pak Su pernah tak menetap di negeri lain?**

THMN : Kita semua ada. Sekarang ini kita duduk di Malaysia semua ada dalam negeri. Dalam Malaysia ini kita semua ada pertubuhan Silat Terlak Empat Malaysia.

**NSJ : Pak Su pernah tak tinggal di Terengganu?**

**THMN** : Pak Su pernah tinggal di Bukit Besi, pada tahun ***enam puluh /apan*** [1968]. Pada masa itu Pak Su pergi ke Bukit Besi, ayah Pak Su datang ambil atas sebab-sebab tertentu. Ayah Pak Su tak nak duduk di Kelantan, kemudian dia datang ambil Pak Su dan tinggal di Bukit Besi. Pak Su tinggal di Bukit Besi kerana Pak Su pandai main bola. Pada tahun ***enam puluh Zima*** [1965], Pak Su telah bermain bawah negeri Kelantan. Jadi bila tinggal di Bukit Besi, kebetulan bila Pak Su sampai pagi hari itu, petang tu, Syarikat Amkos ada pertandingan bola berlawan dengan orang putih. Ada orang meminta Pak Su untuk bermain. Pak Su pun main dan score gol. Keesokkannya, orang putih tu panggil untuk bekerja dengannya (ketawa). Tinggal di Bukit Besi sehingga tahun ***tujuh pu/uh satu*** [1971]. Pada tahun ***enam puluh lapan*** [1968], ***enam puluh sembilan*** [1969], ***tujuh puluh*** [1970] Pak Su bermain bola sepak bagi pihak negeri Terengganu.

**NSJ : Kiranya masa tahun itu, Pak Su aktif bola sepak?**

THMN : Ya, pada masa itu, Pak Su aktif bola sepak. Tapi pada masa itu juga Pak Su belajar silat yang dipanggil Tok Pelepat Panglima Hitam silat. Kalau negeri Pahang atau Terengganu ianya dipanggil Belepak. Namanya sekarang yang berdaftar ialah Tok Pelepat Panglima Hitam. Silat itu ada di Dungun.

**NSJ : Kiranya, Pak Su hanya pernah tinggal di Kelantan dan Terengganu sahaja lab?**

THMN : Ya, di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja.

**NSJ : Dekat Bukit Desi, Pak Su tinggal satu keluarga?**

THMN : Tak, Pak Su tinggal berseorangan sahaja. Pada tahun ***sembilan be/as enam puluh lapan*** (1968], Pak Su muda lagi kan pada masa itu. Pak Su tinggal dengan ayah.

**NSJ : Boleh tak Pak Su ceritakan sedikit pengalaman Pak Su tinggal di negeri Terengganu?**

THMN : Pengalaman tinggal di negeri Terengganu, Pak Su wakil Terengganu dan Pak

Su bekerja di Bukit Besi. Dekat sana, pengalaman itu tak ada apa-apa. Cuma dekat Bukit Besi Pak Su bekerja, main bola. Pak Su kerja tak lah lama sangat. Pak Su main bola dan orang putih suka. Selepas itu Pak Su bekerja sebagai pembantu goal keeper. Jadi hari lain Pak Su akan turun ke Terengganu. Kadang-kadang Pak Su tak bekerja pun dalam masa satu hari, Pak Su tinggal di Terengganu berlatih bola sepak untuk Terengganu. Tetapi, apabila ada ruang dan masa, Pak Su akan belajar sikit-sikit silat. Ianya dipanggil Pelapak. Arwah Ki Awang ianya dipanggil, Haji Abdullah.

**NSJ : Kiranya Pak Su ada mendapat alaun bila bermain bola?**

**THMN** : Ada alaun sebab itu Pak Su main. Alaun dulu hanya dua puluh ringgit sahaja. Kalau kita main, masa Pak Su tinggal di Kelantan, Pak Su main untuk negeri Kelantan, Pak Su mendapat alaun sepuluh ringgit. Kalau main untuk negeri Terengganu dapat alaun ***dua puluh ringgit*** [RM20] (ketawa). Sekarang beribu-ribu elaun orang bermain bola. Main tak pandai mana pun.

**NSJ : *Lepas* [selepas) itu, asa Pak Su main bola, pernah ke tidak Pak Su *injured* (cedera]?**

THMN : Ni nak ***oyak*** [bagitahu]. Pak Su dari muda sehingga tua, Pak Su tidak pemah

*injured* [cedera] masa main bola. Lawan la dengan siapa-siapa pun. Alhamdulilah Allah S.W.T bagi. Tua nije [sahaja] baru ada sakit lutut.

NSJ : Masa tua dulu tak ada la?

THMN : Tak ada. Kalau sukan Pak Su pemah main bola sepak, Muai Thai banyak *heavy game* [permainan lasak] Pak Su main. Tapi ragbi Pak Su pemah kena buang padang sebabnya main jahat. *Serupo* [sama] juga dengan main bola (ketawa). Kalau main bola nak main *jahat* [kotor], kena tanya kita. Anak buah Pak Su dulu, Norazila Daud, jahat main bola. Tapi, bila berhenti *tak* [tidak] main jahat, dia kena. Cedera dia. Allah S.W.T akan bagi terus sebab kita buat kat [dekat] orang lain. Pak Su main dulu tidak cedera. Tapi bila tua ni je baru ada sakit lutut. Pak Su *last* [terakhir] main bola tahun 2010. Anak-anak tidak bagi. Anak-anak berkata "dah-dah abah main bola, takut rebah tengah padang". Kawan-kawan Pak Su tu, Norazila, anak buah Pak Su macam Zawawi pemain Malaysia semuaitu.

NSJ : Kiranya pemain Malaysia. Kalan dalam bola, Pak Su biasa main posisi apa?

THMN : Posisi *wing* [sayap] kiri. Sayap kiri. Kita kalau tengok orang main sayap kiri, kalau *outside* [keluar tepi], Pak Su akan marah sangat kalau tengok dalam *tv* [televisyen] (ketawa)

NSJ : Pak Su kan baru je berhenti main bola tabun 2010, lepas tu. Masa sebelum 2010 tu, Pak Su main wakil mana-mana atau saja-saja bermain?

THMN : Tak ada main. Main untuk veteran saja. Kawan-kawan telefon ajak mari *tubik* [keluar] lawan main bola hari ini. Lawan dengan bandaran, veteran-veteran sahaja. Dengan bekas pemain Kelantan, bekas-bekas pemain negeri dipanggil untuk bermain

NSJ : Main macam persahabatanje [sahaja] la?

THMN : Ya, macam persahabatan saja.

NSJ : Anak-anak Pak Su kan semuanya berjaya. Ada tak petua dalam mendidik

anak-anak?

THMN : Petua dalam mendidik anak-anak, kita kena pukul. Pasal pukul, nabi pun suruh pukul. Tapi pukul tu bukanlah pukul seperti iblis. Cara kita pukul dengan cara kita ada ilmu. Pak Su pemah pukul anak Pak Su yang bongsu. Memang dia degil. Kayu besar macam ini (menunjukan saiz kayu) dua-dua, semua patah. Dia *relax* [tenang] saja balik.

NSJ : Sebab?

THMN : Sebabnya malam Merdeka, jadi malam itu kita ada perarakan silat. Silat ada perarakan, selepas itu, dia *kelik* [balik] lewat. Selepas itu, ada kawan Pak Su datang tanya "Pak Su, Faidi dah balik?". Pak Su jawab "Tak ada lagi". Kawan Pak Su berkata lagi "anak saya duduk lepak dengan Faidi sebab itu saya nak marah". Anak dia duduk dengan anak kita sebab itu kawan Pak Su nak marah dekat Pak Su. Selepas itu, bila anak kita balik, anak dia tidak ada. Pukul satu dia tak balik lagi. Pukul satu setengah dia tak balik lagi juga. Pukul dua pagi baru dia balik dengan motorsikal. Pak Su ambil kayu lepas tu kejar budak yang bawa motorsikal itu <lulu (ketawa). Lari budak itu. Pak Su acah-acah saja. Pak Su pusing, lepas tu pukul anak kita. Anak Pak Su berkata "Tak nak dah abah, tak nak dah abah'\ Tu saja sekali dia kena berat.

**NSJ : Masa itu, umur dia berapa?**

***THMN*** : Masa itu, umur dia tingkatan satu atau tingkatan dua.

**NSJ : Oh, kecil lagi la masa itu.**

***THMN*** : Masa itu, Pak Su tinggal di Kuarters Hospital

**NSJ : Kiranya Pak Su, ini rumah Pak Su pindah randah yang ke berapa?**

THMN : Rumah ini, masa Pak Su pencen Pak Su tinggal dekat sini. Dalam tahun ***dua ribu*** [2000]. Sebelum ini, Pak Su tinggal di Kuarters Hospital. Kan dulu ada bangunan baru, Kuarters itu kecil saja.

**NSJ : Mak Su jururawat dekat hospital kan?**

THMN : Pak Su pun bekerja dekat hospital juga sebagai ketua *PPK* [Pembantu Perawatan Kesihatan]

**NSJ : Mak Su?**

*THMN* : **Mak Su sebagaijururawat terlatih. Dia** *UITM[Vniversiti* **Teknologi Mara]. Pak Su Kota Bharu.**

**NSJ : Tapi duduk dekat kuaters itu?**

*THMN* : **Ya, duduk dekat kuarters itu atas nama Pak Su. Kuarters itu dekat hospital, yang ada bangunan tinggi. Dulu macam rumah teres saja. Bilik pun ada satu bilik saja.**

**NSJ : Pak Su pencen sewaktu berumur?**

**THMN : Pencen masa umur** ***Zima puluh enam*** **[56] tahun. Sebelum ada lagi dihadkan** ***Zimapuluh lapan*** **[58] tahun dan** ***enam puluh*** **[60] tahun untuk pencen.**

**TAMAT KASET 1 BAHAGIAN A**

### KASET 1: BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

**NSJ : Lepas itu, saya oak tanya pasal sejarah pendidikan**

**THMN : Pendidikan Pak Su tak tinggi mana. Sampai PMR saja. Kalau zaman dulu orang panggil *SRP* [Sijil Rendah Penilaian]. Nak belajar tinggi lagi tak boleh sebabnya ada sebab-sebab tertentu. Tapi kawan-kawan Pak Su ada bekerja sebagai *lawyer* [peguam], hakim dan banyak lagi. Kita tak macam itu. Tapi, kita suka berkawan. Lagi pun kita anak jantan tunggal dalam keluarga. Mak pelihara kita seorang saja. Jadi apa kita nak, kita akan dapat. Kalau orang lain pergi sekolah pakai biasa, kita seluar berjenama. Pergi sekolah bawa *tiga ringgit* [RM3] zaman dulu pada tahun *sembilan puluh-an* [1990]. Boleh belanja satu kelas. Zaman dulu, nasi kerabu dengan kopi O hanya sepuluh sen sahaja. Lepas itu, kita kena ingat, bila kita dimanjakan sangat, kita jadi rosak. Pak Su dulu boleh pergi ST. Malay selepas sekolah Padang Garong, Pak Su mengaji di ST. Malay orang panggil. Pak Su bagitahu kat mak Pak Su "Mak, tak sedap belajar dekat sekolah ini sebab tak ada orang perempuan dekat sekolah". Lepas itu, mak Pak Su tanya Pak Su nak belajar dekat sekolah mana. Pak Su jawab nak belajar dekat sekolah *KES* [Kelantan English School]. Oulu dipanggil sekolah ibu bapa hantar ke sana. Dalam sekolah itu <lulu ada naib referee Kelantan. Dia minta Pak Su untuk mengaji di Sekolah English Kota Bharu di Merba. Jadi dalam satu hari, hari ini Pak Su pergi sekolah KES dan esoknya Pak Su pergi Sekolah Kota Bharu. Jadi Pak Su belajar dekat dua buah sekolah. Pasalnya, orang nak untuk main bola. Ada satu hari, sekolah ISRAH**

bertembung dengan sekolah KES. Pak Su tak boleh bermain untuk dua-dua sekolah. Pak Su hanya jadi penonton saja. Tapi Pak Su berterima kasih sangat dekat sekolah KES sebabnya masa itu bahasa utama dekat sekolah itu adalah Bahasa Inggeris. Walaupun kita tingkatan tiga pada waktu itu, kita boleh lah buat modal untuk boleh berjalan ke serata. Nak keluar dunia pun boleh. Kalau ***words broken*** [perkataan pecah] pun, orang putih tetap boleh faham kita. Kadang-kadang budak silat sendiri tengok Pak Su bercakap dengan orang putih, mereka hairan. Mereka bertanya "Pak Su cakap dalam bahasa apa?" Pak Su jawab "dalam bahasa inggeris". Kalau orang bercakap dalam bahasa melayu, kita pun bercakap dalam bahasa melayu la juga.

**NSJ** : **Kiranya nama sekolah rendah Pak Su sekolah apa?**

**THMN** : Sekolah Padang Garong.

**NSJ** : **Sekolah dekat Kota Bharu?**

THMN : Ya. Asalnya sekolah itu, dekat stadium. Kalau zaman dulu, ada cerita, kalau selepas pukul enam, waktu hujan, tak ada orang lalu dekat kawasan ***tu*** [itu].

**NSJ** : **Sebab?**

**THMN** : Sebabnya kawasan itu berhantu. Dekat padang bola, dekat stadium dia pagar dengan buluh. Rabis bola, tak ada orang dah dekat kawasan itu. Orang main bola siang hari saja. Malam tak ada orang main. Tempat itu keras sikit. Belakang tu ada kuarters polis. Sekarang ini, dekat pustaka, depan itu ada jabatan kesihatan, situ adalah tempat jepun bunuh orang. Bangunan besar tu la dulu. Sekarang sudah dibaiki dijadikan klinik atau pusat kesihatan. Dekat gelanggang seni

**NSJ** : **Sekarang tempat tu masih dibuka lagi?**

THMN : Sekarang dipanggil pusat kesihatan.

**NSJ** : **Apakah nama sekolah menengah Pak Su?**

**THMN** : Pak Su tak sempat masuk sekolah menengah. Pak Su sehingga *SRP* [Sijil Rendah Penilaian] sahaja. Oulu tak ada sekolah menegah. Masuk ***straight*** [terns] cam tu sahaja. Pak Su Cuma sekolah KES dengan sekolah Padang Garong saja. Padang Garong tu sekolah rendah. Selepas sekolah rendah, Pak Su masuk sekolah KES.

**NSJ : Kiranya, sejak sekolah lagi ke Pak Su aktif dalam bidang sukan?**

THMN : Sejak sekolah lagi Pak Su aktif sukan. Oulu, dekat sekolah, cikgu kenal Pak Su melalui sukan. ***Seratus*** [100] meter, ***dua ratus*** [200] meter Pak Su masuk berlari. Pak Su berhenti belari pada tahun ***lapan puluh lima*** [1985]. Pak Su berhenti berlari wakil negeri Kelantan. Pak Su wakil Kelantan ke pembukaan Stadium Terengganu pada tahun ***tujuh puluh satu*** [1971]. Stadium Sultan Nasaruddin Shah tahun ***tujuh puluh satu*** [1971], stadium itu dibuka. Waktu itu dia buat sukan jemputan asia. Lepas itu, wakil Kelantan pergi masuk berlari.

**NSJ : Sebab apa Pak Su berhenti berlari?**

THMN : Sebab dab tua. Dah tak larat dah. Kalau dulu, Pak Su berlari, tak dapat apa-apa. Tapi ada la dapat dua tiga ringgit. Dia ada lab bagi makan, baju-baju batik, kasut-kasut spike, dia ada bagi juga. Tapi sayang, ada satu kasut spike Pak Su tak boleh buat kenangan. Pak Su dah ***taruh*** [simpan] betul-betul. Beg kasut itu Pak Su simpan baik-baik. Pak Su lama tak tengok, lama selepas tu Pak Su tengok, Pak Su buka kasut tu, habis kena ***kerik*** [gigit] tikus. Menangis Pak Su. Sebab kasut itu adalah kenangan. Atas kasut itu orang tulis nama kita. Kalau sekarang ini, kasut Adidas macam tu dah hampir ***tiga ratus*** [RM300]. Dulu hanya ***tiga puluh lima ringgit*** [RM35] saja. Tu yang nak dapat susah kalau tak ada orang nak sponsor.

NSJ : **Pak Su mula aktif sukan sewaktu berumur?**

THMN : Pak Su aktif sukan dari sekolah rendah lagi

NSJ : **Umur tujuh tahun?**

THMN : Daripada umur sekolah rendah lagi, Pak Su mula ***start*** [mula] sukan sekolah rendah sewaktu berumur ***sepuluh*** [10] tahun.

NSJ : **Waktu itu Pak Su wakil sekolah?**

THMN : Ya, wakil sekolah. Wakil Padang Garang. Pak Su masuk berlari, bola sepak waktu sekolah rendah. Bawah umur ***dua be/as*** [12] tahun tu, Pak Su dah jadi wakil sekolah. Dulu, sukan lebih hebat daripada sekarang. Sekolah rendah akan bertanding dengan semua sekolah rendah. Semua orang suka. Kalau <lulu ada sukan dekat stadium, penuh penonton pergi tengok. Tapi sekarang tak ada apa pun. Padahal sekarang ini lagi bagus kalau diikutkan.

NSJ : **Kiranya masa mula-mula Pak Su terlibat dengan dari sekolah rendah, lepas itu Pak Su terus dihantar ke peringkat negeri?**

THMN : Peringkat sekolah menengah lepas tu, peringkat negeri tu, Pak Su main bawah

kelab-kelab.

NSJ : Kiranya, orang tengok lepas tu mereka panggil Pak Su main?

THMN : Ya, kelab akan panggil. Oulu kelab dalam Kelantan dari Malaysia ada banyak kelab. Macam dekat Kelantan ada Arena Sports Club, TNB team, Telekom team, Penjara team, anggota kerajaan kuat dengan sukan. Pada tahun *tujuh puluh tiga* [1973], Pak Su pernah mewakili team barisan bola sepak Kelantan, ada gambar (menunjukkan ke arah almari). Tapi tak tahu *duduk* [terletak] dekat dalam almari mana. Gambar terima piala, gambar yang Muay Thai semua ada tapi tak tahu ada dekat mana. Mak Su *susuk* [sembunyi] tak bagi tunjuk (ketawa).

NSJ : Apakah tahap tertinggi Pak Su dalam sukan, acara apa?

THMN : Acara, Pak Su masuk acara *seratus* [100] meter, *dua ratus* [200] meter, lompat jauh dengan *empat kali seratus* [4x100] meter. Yang tu memang minat benar untuk acara itu. Sampai sekarang pun, kalau ada sukan, tengok yang *seratus* [100] meter saja.

NSJ : Kiranya, tiap-tiap hari ke Pak Su *training* [berlatih]?

THMN : Ya, Pak Su training tiap.:.tiap hari. Dulu *training* [berlatih], tak ada masalah. Tak ada orang ajar pun kita. Semua atas kemahuan kita sendiri. Sebab itu kita boleh berjaya. Tapi, sekarang ni, budak nak main bola pun kena bayar duit.

NSJ : Kiranya dulu belajar sendiri, tak ada cikgu?

THMN : Tak ada. Jurulatih bila masuk kelab, berlatih dengan orang ramai. Contohnya dulu namanya Karim. Sekarang ini dia berumur *lapan puluh* [80] tahun. Dia selalu keluar, kemudian kita turut dia bermain

NSJ : Pada umur berapa Pak Su masuk kelab?

THMN : Pak Su masuk kelab masa umur *enam puluh lima* [1965]. Antara pelari dari Kelantan Pak Su, Tamim, Goh Baek Sin, cikgu apa seorang lagi, tapi cina daripada Perak. Goh Baek Sin tu dia polis. Dia orang Selangor, tapi menjadi polis di Kelantan.

**NSJ : Dia dab pencen dab sekarang ni?**

THMN : Ya, pencen lama dah. Dia lebih tua dari Pak Su.

**NSJ : Pada usia berapa Pak Su mendapat pendedaban mengenai silat?**

TIDAN : Silat, Pak Su balik ke Kelantan pada tahun ***tujuh puluh satu*** [1971] iaitu bila projek Bukit Besi tutup, Pak Su balik di Kelantan. Pada tahun ***tujuh puluh satu*** [1971], Pak Su balik ke Kelantan, Pak Su ***start*** [mula] cari silat untuk belajar. Silat Pelapat ni Pak Su belajar tahun ***sembilan belas tujuh puluh satu*** [1971]

**NSJ : Asalnya, memang ayah Pak Su mempunyai silat ke tak?**

THMN : Tak ada. Silat ini orang lain tolong ajar. Aiwah Che Harun. Abangnya Che Harun namanya Pak Mat, tinggal di Kampung Putih. Pak Su ***start*** [mula] belajar dari adik Pak Mat, selepas itu, setiap Khamis, Pak Su pergi ke Kok Lanas untuk belajar silat.

NSJ : Kiranya, mak dan ayah Pak Su tidak aktif sukan?

THMN : Tak ada sukan. Orang zaman dulu tak main sukan.

NSJ : Macam mana Pak Su boleh berminat bermain silat?

THMN : Mungkin Pak Su minat ketika ada pertandingan petang-petang. Kalau ada pertandingan, Pak Su terns pergi tengok. Bila Pak Su tengok seseorang itu berjaya, pegang piala. Dalam hati terdetik, aku pun boleh ni. Kita kena ada cita-cita seperti itu. Kita kena ada sifat dengki pada orang. Bukan dengki pada orang tu, tapi dengki pada kejayaan dia supaya kita juga boleh buat seperti dia juga. Maka dengan itulah Pak Su boleh buat. Kalau Pak Su kalah, tanya diri sendiri, kenapa aku kalah? Mungkin kerana aku tak cukup berlatih. Orang zaman dulu, semua sukan berlatih sendiri. Sekarang, panggil sains sukan. Sampai sekarang ni, *start* [mula] panggil sains sukan start tahun *lapan puluh Zima* [1985]. Sekarang ni panggil jurulatih dari sains sukan, gaji jurulatih sains sukan bayar */ima puluh ribu* [RM50,000.00], sebulan buat bazir duit saja. Malaysia tidak percaya dengan keupayaan rakyat dia sendiri. Contohnya Malaysia adanya Misbun Sidek yang lagi bagus, Razyid Sidek, Jailani Sidek, bekas-bekas pemain Negara. Dia tak kenal. Orang Melayu memang mudah lupa jasa orang melayu.

NSJ : Pak Su kan banyak masuk pertandingan kan, macam mana Pak Su mengekalkan stamina sewaktu pertandingan?

THMN : Stamina memang sentiasa ada. Kita orang sukan, dalam satu minggu tu, kita tak boleh berhenti berlatih. Dalam satu hari tu, kita kena buat sesuatu. Contohnya macam skipping. Pak Su tinggal di Kota Bharu, Pak Su duduk di rakit pada masa dulu. Dari ke sungai, Pak Su naik ke benteng, Pak Su perlu naik *dua puluh satu* [21] anak tangga. Duduk di Kota Bharu, Pak Su berenang hari-hari. Kalau nak mandi waktu itu, memang sejuk aimya. Pak Su pun suruh kawan Pak Su tendang. Lepas tu kita pun jatuh dalam air. Jadi kita memang sentiasa kena berlatih. Kita orang sukan, dalam sejam tu mesti kena berlatih. Kita tak boleh tak berlatih. Kalau kita orang silat, mesti berlatih menyepak. Dia kena ada sifat macam itu. Sama seperti kita main bola, kita nak tackle orang tu macam mana. Kita mesti ada *shadow* [bayang] iaitu latihan untuk diri kita sendiri. Kita tak perlukan jurulatih. Kalau jurulatih ada, tapi kita mesti sentiasa buat. *Tu* [itu] pun kalau kita betul-betul berminat untuk bermain sukan.

NSJ : Kiranya tak ada bezalah *training* [berlatihan] sebelum pertandingan dengan *training* [berlatihan] hari-hari biasa?

THMN : Ya. Kalau tak ada pertandingan pun, kita mesti turun untuk *training* [berlatihan]. Kita tak boleh duduk saja-saja tanpa berbuat apa-apa. Contohnya

seperti orang lelaki, kalau dia tak belajar seni mempertahankan diri, haram baginya. Tapi belajar bukan sebab untuk berlawan dengan orang lain. Belajar sekadar persediaan diri. Contohnya kalau ada orang serang, yang lelaki tu tidak mempertahankan diri, dipukul kemudian mati, boleh dianggap bunuh diri (ketawa). Itu adalah contoh. Tapi jangan main-main, itu adalah hukum Allah S.W.T. Itu adalah persediaan diri. Sebab itu, Pak Su daripada mula, bila tok guru ajar, Pak Su dengar orang zaman dulu lebih bagus dari orang sekarang walaupun orang zaman dulu hanya tahu membaca alif ba ta. Orang sekarang ini banyak belajar. Bila mana banyak belajar, macam-macam gaya ada. Sekarang ini orang datang mengajar sebab berbayar. Dulu tak, kita pergi rumah tok guru cuma ***pungah*** [angkut] air sahaja. Penuhkan air dalam empangan saja, kemudian masuk mengaji. Tapi sekarang ini, ajar itulah, ajar tafsir inilah, iqra itulah, bacaan macam inilah, dan macam-macam. Dan sekarang ini, orang datang belajar ramai-ramai. Belajar ramai-ramai bukan berbayar ***sepuluh ringgit*** [RM10] seorang. Mahal bayaran sekarang. Pasal nak belajar sesuatu. Sebabnya bila bagitahu sesuatu, orang akan cakap salah. Tok guru dahulu tak. Tidak minta duit pun. Kalau kita bawa dan bagi duit, tok guru akan terkejut. Sebab itulah kelebihan ada pada orang zaman dulu. Pasal sekarang ini, orang tidak pandang akan orang pada zaman dulu. Apa yang orang zaman dulu bagitahu, yang baik kita kena ambil, yang tidak baik, kita kena buang. Orang dulu-dulu duduk puja pokok kayu, tak bolehlah ikut cara itu.

**NSJ** : **Pak Su kan ramai guru-guru dalam silat, Pak Su ingat tak lagi nama-nama guru Pak Su?**

THMN : lngat.

**NSJ** : **Nama jurulatih mula-mula sampai sekarang.**

**THMN** : Nama jurulatih mula-mula ialah abang Hassan namanya.

**NSJ** : **Nama penuh**

**THMN** : Nama penuhnya Hassan bin Deraman. Dia kerja polis. Dia tinggal di Sungai Buluh. lkut jalan dekat depan ni, dekat dengan Sekolah Cina Chong Hwa. Situ ada kilang gas, tapi rumah dia belakang tu. Awak semua tak tahu ni. Dekat dengan kilang mancis. Pak Su belajar dengan dia sejak budak lagi Pak Su belajar. Lebih kurang dalam darjah enam.

**NSJ** : **Pak Su cari dia dulu ke uotuk belatih?**

*THMN* : **Dia tinggal dekat dengan rumah Pak Su di Kota Bharu. Pak Su ni masa zaman muda suka gaduh dengan orang. Kalau tak gaduh dalam sehari rasa macam tak puas hati. Tapi jenis Pak Su, lepas gaduh, Pak Su terus baik dan minta maaf dengan orang tu. Tapi kalau orang tu tak nak baik dengan Pak Su, Pak Su biar saja. Sebabnya Pak Su minta maaf dah. Pak Su cakap "aku tak ada dosa dah sebab aku dah minta maaf'. Selepas itu, Pak Su belajar dengan arwah Che. Orang panggil Che Umar tok pendekar. Dia tinggal dekat istana, istana Balai Besar, depan masjid. Kalau orang dulu-dulu panggil belakang Kota. Kota tu orang dulu panggil istana. Selepas itu, Pak Su batik kampung, Pak Su belajar dari Tok Penghulu Mat Yazid. Anak-anak dia ada lagi. Selepas itu, baru Pak Su balik ke Kota Bharu, Pak Su belajar dari abang Hassan dan semua ni dan last sekali baru Pak Su belajar dari Bapak** Jali **dalam terlak dah, dan last sekali dalam terlak empat lah. Pak Su belajar Muay Thai dari abang Lah Haji Hitam orang panggil. Selepas itu, belajar dari Pak Khai, Tok Jong, Mat Zain Syam Silah ni orang Ketereh. Yang ini yang mengajar Muay Thai empat orang. Selepas itu, Pak Su masa tutup sekolah, mak Pak Su hantar Pak Su ke Penhi untuk belajar silat dengan pak sepupu Pak Su orang panggil abang Che Yusof. Che Yusoftok pendekar di Penhi, Kuala Krai. Pak Su belajar dari Pak Su budak lagi, mak Pak Su hantar. Ini kerana satu-satunya Pak Su anak lelaki. Jadi bila nak belajar, mak Pak Su bagi saja. Pada tahun** *sembilan be/as enam puluh* **[1960] tu, orang tak pakai motorsikal lagi, kita dah pakai motorsikal waktu itu.**

Selepas itu, *last* [akhir] sekali tu Pak Su belajar terlak empat. Mulanya dari ustaz Awang bin Abdullah namanya. Selepas ustaz Awang, Bapak Hadi Sang Putra. Tiap-tiap tahun di masjid dekat pondok ini, Pak Su akan buat untuk ratib, baca zikir, lebih tiga kali baca al-quran. Jadi siapa yang nak buat untuk bagi hadiah pahala itu, mereka akan bagilah. Macam bagi Pak Su, Pak Su akan buat la untuk tok guru Pak Su seperti Pak Mat, Pak Wea dua beradik, Bapak Haji Jejali, Ustaz Awang, abang Hassan. Kalau anak mereka buat, alhamdulilah. Kalau anak mereka tak buat, kasihan dekat mereka. Sekurang-kurangnya kita sebagai anak murid ni, ingat jasa dia dekat kita. Walaupun mereka sudah tiada, tiada masalah untuk buat.

NSJ : Oulu tok guru dekat Indonesia siapa?

THMN : Dekat Indonesia Bapak Haji Jejali, Haji Sang Putra.

NSJ : Dia pernah tak datang ke Malaysia?

THMN : Dia pemah datang waktu Datuk Asri menteri besar Kelantan. Waktu tu dia pemah datang ke Malaysia.

NSJ : Lama ke dia duduk dekat Malaysia?

THMN : Pak Su pun tak pasti sebab Pak Su tahu dia pernah datang ke Kelantan pada tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970]-an.

NSJ : Guru-guru Pak Su masih hidup lagi ke sekarang?

THMN : Mati belaka dah. Umur Pak Su pun dekat *tujuh puluh* [70] tahun dah (ketawa). Tapi, alhamdulilah punya Ayah Wea, waktu dia meninggal, sampai ke kubur Pak Su hantar. Mulanya Pak Mat, adiknya pun sama macam itu juga. Sampai ke kubur Pak Su hantar tok guru. Jadi Pak Su harap anak-anak murid Pak Su esok-esok pun, Allah S.W.T akan buka pintu hati mereka, bila Pak Su tiada, mereka akan ziarah kita sampai ke kubur. Begitulah yang kita harapnya. Sebabnya kita pemah buat dekat tok guru kita *lagu* [macam] tu. Macam yang Pak Su biasa buat dekat tok guru Pak Su, mudah-mudahan Allah S.W.T akan buka pintu hati anak-anak murid Pak Su pula bila kita tiada

NSJ : Silat kan ada banyak jenis, jenis silat apa yang Pak Su pernah belajar macam gayong ke?

THMN : ***Start*** [mula] dari kecil-kecil, Pak Su belajar silat, dari abang Hassan. Silat yang Pak Su belajar ni macam Muay Thai. Dia campur silat dengan Muay Thai. Silat ini tiada nama. Zaman dulu orang panggil macam belajar gaduh. Orang dulu-dulu panggil belajar gaduh. Lepas itu, Pak Su belajar dari abang Hassan. Lepas belajar dari abang Hassan tu, baru Pak Su earl guru dari golongan pendekar. Pak Su belajar silat seni tari. Selepas itu, baru Pak Su pergi ke Dungun. Pada tahun ***enam puluh satu*** [1961] Pak Su belajar dari Ustaz Awang Haji Abdullah, silat yang dipanggil Haji Pelepak. Lepas itu, baru Pak Su balik ke Kelantan dengan mereka-mereka ini. Jadi, masa muda-muda, banyak lah Pak Su belajar Muay Thai ke apa ke di Kelantan ini. Sebab kalau dulu, kalau nak pandai, belajar dalam tiga bulan saja

**NSJ : Dalam banyak-banyak jenis silat, kenapa Pak Su lebih fokuskan kepada Silat Terlak Empat?**

**THMN** : Sebabnya Silat Terlak Empat mempunyai tapak.

**NSJ : Kalau silat lain?**

**THMN** : Kalau silat lain tiada tapak. Semua silat tak ada tapak. Silat lain main kekuda

tiga. Silat ini main kekuda empat. Jadi, jika amati betul-betul, empat ini kan, contohnya kitab ada empat, hulubalang Allah S.W.T ada empat, kita hidup ini empat iaitu beranak, lepas itu lahir, lepas itu mati dan hidup balik. Bila kita fikir baik-baik, silat ini ***molek*** [bagus] ni. Lepas itu, kita tengok tapak.

**NSJ** : **Tapak itu apa?**

**THMN** : Tapak itu kuda-kuda kita. Jadi kita akan sentiasa duduk atas kalimah Allah S.W.T. setiap kali kita belajar. Pak Su pemah ada anak murid, tapi dia dah meninggal. Sayang sekali sebab budak tu masih muda lagi. Masa budak itu tinggal di Universiti, waktu dia ***tubik*** [keluar] dengan kawan dia, dia bergaduh di kedai. Budak itu pendek saja. Tiga orang lawan dengan dia seorang. Orang itu terdiri dari India dan Cina. Dia kata masa dia gaduh tu, dia ingat Pak Su bagitahu, kalau orang sepak, masuk terus. Dia pun terus masuk, orang itu pun terus jatuh. Tiga-tiga itu jatuh, berhenti terus. Tak lawan lagi. Dia tidak pandai mana tapak empat katanya. Tapi, dia tetap boleh belajar. Inilah kelebihan silat terlak empat, anak murid ikut apa yang tok guru ajar. Kita ada banyak buah sekolah, tetapi tak ada jurulatih. Tahun ini kita terpaksa tutup sekolah. Sebabnya guru yang mengajar silat perlu masuk mengaji. Itulah sebabnya, silat terlak empat Pak Su ambil sebabnya ada tapak empat. Jadi kita kenal diri kita, kita kenal Allah S.W.T. Sebab Allah S.W.T menjanjikan kita empat perkara

iaitu tanah, air, api dan angin. Dia tak ada *bubuh* [letak] besi dalam itu.

NSJ : Kalau nak belajar satu silat kan, ambil masa berapa lama?

THMN : Itu atas individu. Pak Su boleh tengok terus, kalau Pak Su mengajar di sekolah, Pak Su akan suruh budak-budak buat tapak empat. Kalan dalam dua puluh orang, lima orang boleh buat tapak empat itu, pasti lima-lima ini akan meninggalkan kita kelak mengaji esok-esok. Kalau dalam masa satu hari mereka boleh buat semua langkah. Kalau dulu PMR di sekolah Pading Putra, Pak Su akan bayar, siapa yang boleh sepuluh A, Pak Su akan bagi hadiah. Mula-mula Pak Su buat syarat lapan A. Last sekali cikgu budak-budak tu kata buat syarat sepuluh A sebab *cakat* [larat] nak bayar. Pak Su letak sepuluh pun kena bayar juga (ketawa). Sebab berjanji, kena bagi betul-betul lah. Dua tiga tahun ini kita berhenti sebabnya budak-budak semakin pandai. Kalau setakat sepuluh A tu, budak-budak senang saja nak dapat. Budak yang belajar silat dengan kita, tidak ada budak nakal. Budak-budak yang nakal hanya belajar sekejap sahaja, lepas itu mereka berhenti. Itu adalah kelebihan silat terlak empat.

NSJ : Kiranya, atas seseorang individu untuk belajar silat ini?

1HMN : Ya, belajar silat ini atas seseorang individu. Bukan kita kata khas kena belajar tiga tahun. Tidak sesekali.

NSJ : Siapakah yang banyak memberi dorongan kepada Pak Su dalam bidang silat ini?

THMN : Pak Su dapat dorongan daripada cik dan mak Pak Su. Dan selepas itu bila dah kahwin, dia pula. Mak Su sebelum kahwin, kita telah berjanji dengan dia. Kata Pak Su "Awak nak kahwin dengan saya boleh, tapi saya main bola dengan silat saja. Kalau saya pergi main silat dengan bola, awak tegur, habis terns". (ketawa)

NSJ : Mak Su *okay* [baik) saja waktu itu?

THMN : Mak Su okay [baikJ saja. Mak Su pernah memperolehi pingat gangsa untuk peringkat kebangsaan.

NSJ : Mak Su main sukan ke?

1HMN : Mak Su main sukan Iempar Iembing dengan Iempar cakera. Dia tahun *lapan puluh lapan* [1988] wakil Kelantan untuk silat peringkat kebangsaan di Negeri Sembilan. Dia belajar dengan kita. Kita yang ajar. Ketika itu dia tak training langsung sebabnya beranakan Saidie pada tahun *lapan puluh lapan* [1988]. Lepas dia beranak, dalam beberapa bulan, ketika itu ada kelas kosong, dia nak masuk lepas itu terus masuk bertanding. Boleh jadi wakil Kelantan. Sampai dekat sana, menang sekali, lepas itu kalah separuh akhir dan kalah. Sebabnya jumpa dengan Nur. Nur itu adalah bekas pemain Malaysia. Nur, budak Negeri Sembilan.

NSJ : Pak Su ada tiga orang adik beradik, adakah semuanya terlibat dalam bidang persilatan?

THMN : Tak. Pak Su seorang saja. Sebabnya ibu lain dan ayah pun lain.

**SNNW : Kita sambung balik pasal adik-beradik Pak Su tadi. Adik-beradik Pak Su tadi, Pak Su seorang yang main silat yang lain tu?**

THMN : Yang lain tidak, abang Pak Su pun dia ***ngaji*** [belajar] pondok kan lagipun dia duduk di tanah merah ***nun*** [sana] selepas dia kahwin apajuga.

**TAMAT KASET 1 BAHAGIANB**

KASET 2: BAHAGIAN C: PENGALAMAN TOKOH

SNNW : Pada pendapat Pak Su apa maksud silat itu sebenarnya?

THMN : Silat? Silat ini kalau istilah dia panggil istilah pencak, pencak itu latihan, silat silaturahim sebab itu kita tidak boleh nak berebut. Kita tidak boleh nak kata silat kita bagus, silat orang tidak bagus, tak boleh. Sebab silaturahim tapi kalau awakjumpa tok guru itu kata silat terlak *empat* [4] takjadi apa, tok guru itu tak baik. Kita tak boleh memperkecik *hok* [yang] orang sebab pencak latihan silat silaturahim berlatih bersaudara. Cuma sekarang kesnya, kamu nama silat itu aku nama silat itu. Itu punca jadi berpuak-puak, kalau pencak silat satu je orang melayu *hok* [yang] orang islam sekarang pasal kes pecah nama bila kamu gayung, kamu terlak empat [4].

SNNW : Sekarang kan banyak jenis silat kan?

THMN : Jadi tok guru tok guru itu. Silat dia tak jadi apa silat kita bagus, kita tak boleh. Silat, pencak latihan silat silaturahim berlatih bersaudara. Lagipun, macam silat ini seni mempertahankan diri kita orang melayu satu istilah daripada waktu nabi sejak zaman umar umaiyyah lagi memang ahli-ahli semua belajar *hok* [yang] kita orang islam.

SNNW : ***Start* [bermula] umur berapa Pak Su jadi *tok guru* [cikgu] paksu mengajar?**

THMN : Pak Su ***start*** [bermula] buka gelangangnya tahun ***tujuh puluh Zima*** [1975]. Jadi ***Zima*** [5] tahun Pak Su belajar. Pak Su ***start*** [mula] belajar tahun ***tujuh puluh satu*** [1971], ***tujuh puluh Zima*** [1975] buka gelanggang. Gelanggang pertama paksu dekat Kampong Larot, gelangang kedua belakang hospital, gelanggang ketiga paksu di Ketereh tapak kedai Ketereh sekarang nie.

SNNW : **Masa itu ramai dah anak murid?**

THMN : Masa itu Alhamdullillah ramai selepas itu baru kita ***start*** [mulaJ kembangkan ke sekolah-sekolah. Kita ***start*** [mula] masuk sekolah tahun ***lapan puluh enam*** [1986] Sekolah Farid Putera tahun ***lapan puluh enam*** [1986], selepas itu ***lapan puluh tujuh*** [1987] kita masuk sekolah ***PC*** [Sekolah Menengah Pengkalan Chepa]. Sehingga seingat kita tahun ***sembilan betas sembilan puluh*** [1990] kita dekat ***dua puluh*** [20] sekolah lebih kita ada walaupun Pak Su seorang tapi budak-budak semangat kita boleh hantar hari-hari. Semangat nak main nak belajar kita pun suka. Itula sehingga Pak Su buka--- sebab itu sekarang Pak Su cabar anak-anak murid "Kalau aku seorang boleh mengajar buka gelanggang zaman dulu. Kamu?". Beratus beribu-ribu dah anak murid tidak nak kata juga lah sebab kita budak Terlak ***empat*** [4] ini budak pandai Pengurus Bank, Hakim,

*Lawyer* [Peguam], Cikgu bersepah. Jadi tak kan mereka nak mengajar. Cuma sekarang seorang cikgu ini dia paling bagus, Cikgu Fauzi Ismail dia mengajar sekolah Inderahati sekolah Arab. Harl rabu jumaat memang dia tak boleh kacau.

SNNW : *Hok* [yang] mari hari itu ke?

THMN : *Ya, hok* (yang] pakai motor besar.

SNNW : *Hok* [yang] masa kami mari hari itu?

THMN : Ya, *hok* (yang] itu la. Dia memang hari rabu hari jumaat tak boleh kacau. Orang nak *bomoh* [berubat] pun. Dia Tok Bomoh. Macam-macam dia, hari itu dia hari itu dia tolak apa-apa. Memang dia *concentrate* [fokus]. Sebab Pak Su cakap kat dia kamu hari silat kamu kena buang hal lain kecuali kematian. Kalau tidak,tak payah. Nak *gewe-gewe* [berkasih] tidak boleh pada hari itu. Jadi hari itu hari rabu dia terns mengajar silat kesungguhan la, budak diala yang bagus *loni* [sekarang].

SNNW : Selepas itu, Pak Su pasal silat selain dari mempertahankan diri, apa lagi fungsi selain itu?

THMN : Silat memang seni mempertahankan diri selok belok dalam itu kita kena cari la sikit-sikit. Baca bacaan nak turun dari rumah minta pada Allah lindungkan kita, nak bawa kereta. Yang penting sekali kita orang Islam ini awak kena sembahyang *Zima* [5] waktu itu ilmu dab. Selepas itu, apabila kita nak lebih kita kena ada sunat-sunat. Sebab itu Allah buat sunnah. Sunnah tu istilah model kita *loni* [sekarang] *overtime* [lebih masa] kerja, itu istilah moden. Kalau pagi sebelum subuh kita sunat baca dhuha minta pada Allah tambah rezeki . Kita nak cari benda *lagu itu* [macam itu] supaya kita sedar. Pak Su pemah satu orang tunggu dia, orang itu nak tertak dia nie, memang dia lalu *sokmo* [selalu] lalu ikutjalan itu. Contoh orang tunggu *tiga* [3], *empat* [4] orang. *Satu* [1] kali bila orang itu lalu orang itu tengah bagi rokok. Dia (bunyi motor) lalu jadi sebab sunnah tengak-tengak dia*pah* [sampai] sana dah. Dia berlindung. Allah akan lindung kita. Macam awak perempuan banyak amalan. Orang perempuan mudah sekali, patuh ke suami , buat amal ibadah *molek* [elok-elok] puasa jahiliah apa, tak mengata dekat orang *hodoh-hodoh* [buruk-buruk]. *Empat* [4] perkara itu masuk syurga dia. Puak*jantan* [lelaki] apatah pikul la sama paksu sama ngatibla. Orang perempuan senang sebab itu ilmu orang perempuan mudah dari orang lelaki Allah bagi kelebihan dia ada pasal awak beranak. Awak membanyakkan zuriat itu lebih Allah bagi . Kita *orangjantan* [lelaki] ini juga tak *kena* [betul] jaga *bini* [isteri] dosa dah (ketawa).

SNNW : Selepas itu, oak main silat ini ada adat-adat dia kena ikut? Pantang larang dia ke?

THMN : Kita buat masa *Joni* [sekarang] sejak paksu belajar adat kita tiada. Cuma kita mari belajar kita minta *tok guru* [cikgu] isi borang-borang jadi ahli selepas itu nak main dia ajar baca fatihah, quhuaallah--- selawat nabi dalam hati minta pada Allah selamat selamat dalam main. Itu dia jadualnya selepas itu kalau ramai-ramai kita buat sembahyang hajat minta pada Allah supaya kita ini dihindar dari benda-benda tidak baik. Kita tiada nak mandi minyak, mandi bunga ke tiada.

NSJ : Kiranya semua silat sama jela.

THMN : Ajaran orang lain ada lagi, kita tidak sama. Orang lain ada mandi bunga, mandi minyakke.

NSJ : *Hok* [yang] itu kira macam mane?

THMN : *Hok* [yang] itu tidak tahu la, tak nak komen *hok* [yang] orang.

NSJ : **Kiranya kalau setahu saya gayung ini macam ada mandi bunga selepas itu macam buka tapak ke apa?**

THMN : Pak Su tak nak komen ***hok*** [yang] orang tapi kita tidak, silat terlak ***empat*** [4] la? Ya, kita tidak cuma kita adanya nak mainnya siap-siap al-fatihah, baca [al-ikhlas]. ***Empat*** [4] ayat ini Nabi paling suka dia nak tidur pun dia baca ***hok*** [yang] ini saja. Kita minta pada Allah. Habis itu kita berdoala "Ya Allah, selamatkanlah aku dalam latihan hari ini". Kita pun berlatih bila sudah itu masuk barisan baca al-fatihah "Ya Allah aku bersyukur pada mu selamatkan aku dalam latihan. Amin". Tidak ada dah la. Nak katanya mandi minyak apa kita tidak ada. Kita tak nak ***hok*** [yang] orang kita tak nak usikla.

NSJ : **Kiranya yang itu adat silat masing-masing?**

THMN : Ya, adat silat masing-masing atas bawakan dia.

SNNW : **Selepas itu, Pak Su ada tak tabu dalam silat macam apa-apa amalan syirik dia ada tak?**

THMN Ya, memang kita kena tahu. Memang ada sebab kebatinan ini memang hukum

syirik sebab kalau cepat boleh dia beramal hari ini boleh jadi lalu. *Hok* [yang] macam ini tidak betul itu sebab pemah satu nabi itu silap sikit je dia kata *hok* [yang] lama selama ini dia buat semua habis hilang. Dia pertikai sikit je kerana Allah. Ya, dia kata hujan hari ini nak pergi main contoh tidak boleh hujan. Mempertikaikan, pasal kita tidak sebut nama dia "Ya Allah, hujan hari ini tidak boleh pergi main". Nie "hmmm, hujan..tidak boleh pergi main". Makna kita mempertikai sikit jew. Ilmu-ilmu syirik ini banyak masuk dia baca surah [al-ikhlas] dia masuk dia pangil ini nak suruh keras tulang besi urat dawai jadi. Jadi tulang besi jadi begini (ketawa) ilmu-ilmu syirik dia jangan kena belajar baik-baik. Kalau ada orang nak bagi ilmu pun jangan mengada pergi terima.

**SNNW : Kalan dia tidak sedar macam mana? *Tok guru* [cikgu] dia bagi.**

**THMN** : Benda lain la tu. Contoh, sekarang ini Pak Su ajar awak okay awak duduk sini, *stay* [kaku], *rileks* [bertenang], [al-fatihah dalam hati] *rileks* [bertenang] orang nak mari. Tapi dalam hati awak "Ya Allah, hanya padamu rasullah aku berlindung". Dari Allah kita sembah dari dia kita minta tolong. Kita ini sebagai kayu saja ini kalau dia tidak tolong gerak tak gerakla kita dekat situ kena ajar. Kalau orang *hok* [yang] syirik ini tak kan kita nak pergi silat *lagu* [macam] itu pakai mamoh tanah serupa macam kuda kepang mamoh tanah, tu syirik la tu. Dia masuk benda luar. Ingat kalau orang tak ***kabar*** [sedar] dia masuk, paksu

pemah belajar silat ersi tanpa guru itu pun tak boleh dah. Kita baca-baca (membacakan jampi serapah) siapa dia nak? "Hang Tuah" Dia tarik masuk hang tuah. Keluar cara Hang Tuah main. Kita tak boleh pangil roh orang siapa kita nak pangil roh orang. Dia kena ingat ilmu-ilmu sihir ini paksu tak *reti* [pandai] paksu masa di Indonesia pun dia tikam (bunyi paku) paku 6 inci.

SNNW : Pak Su kena?

THMN : Dia tunjuk Pak Su la (bunyi paku) dia tikam dia *tubik* [keluar] paku 6 inci *tubik* [keluar]. "Macam mana mat macam mana mat? Hmmp, tak mahu pak apa tipu itu". Mengapa tipu? *Enggak* [tidak] keluar darah (ketawa) kejut dia. Dah dia tikam tidak *tubik* [keluar] darah, kita manusia ini darah. Maka, kita tidak lalai kita sedar.

SNNW : Kiranya syirik ke itu?

THMN Ya, syirik. Pak Su pemah masa Indonesia lagi. Pak Su hendak pergi sembahyang dengan dia sembahyang jemaah. Sebelum semayang jumaat itu dia tanya paksu dia kata ada mana. Indonesia. "Kapan? Mahu sini mahu apa?" "Tidak mahu apa-apa pak". "Kau mahu ini?" Dia buat macam itu keluar air dari

tangan daripada tangan dia. Kita pun *tubik* [keluar] air ini pergi je koloh dia duduk ambik air sembahyang dia buka baju kot kita intai takut ada getah-getah. Jahat juga kita takut ada getah. Selepas itu sembahyang la sembahyang sudah sembahyang itu dia tanya kapan kamu marl lagi? Kita pun *oyak* [bagi tahu] mungkin seminggu minggu depan lagi kita mari la selepas itu kita pun balik *ala* [dalam perjalanan] balik itu masa itu puasa. Masa balik itu Pak Su dengan bapak Jusoh Pak Su berhenti stesen bas tepi itu ada restoran dia pun cuit-cuit "kenapa pak". Dia pakai baju bentuk ikan serupa jubah. Duduk makan nasi bulan puasa (ketawa) kata yang baca khutbah tadi ke itu? Yang baca khutbah tadi bulan puasa makan nasi selepas itu dia ada di Indonesia itu macam-macam syirik sebab itu dia ilmu salah banyak. Jadi, kena jaga puak-puak dia jadi tambah-tambah orang lombok (bunyi peringatan) orang lombok dia cuit awak ikut dia la jangan cari main. Kebanyakkan gadis-gadis kita di Malaysia nie sepakat pergi lombok habis. Dia orang Lombok ini kalau dia boleh ambik satu orang *betina* [perempuan] negera lain buat balik ke dia ego dia perasaan besar (ketawa).

SNNW : Selepas itu, dalam silat ini ada berapa kategori?

THMN : Kita banyak kategori kita kalau turut-turut kita ada semua sekali *dua betas* [12] tapi kita kurang sikitnya daripada tapak *empat* [4] dari buah pukulan sekali

buah pukulan tukat main tukat, *katok* [pukul] bata, kupas koyok kapur dengan gigi macam belah.

NSJ : Kalau dalam pertandingan kategori-ketegori dia ?

THMN : Setakat ini *Zima* [5] je kita pernah main dalam olahraga ini budak kita lima sahaja. *Hok* [yang] lain tidak boleh pasal kita sepak tumbuk *hok* [yang] lain tidak boleh nak buat salah.

NSJ : Kategori-kategori dia macam mana? Nama kategori dia?

THMN Itu kategori kelas-kelas yang bertanding. Macam kita silat ini buah pukulan kita hanya setakat tahap *lima* [5] je kita bagi. Kita ada *dua be/as* [12] kita tarik tinggal *lima* [5] je. Bukan nama dia tahap dia *Zima* [5] je. Dia kata sampai tahap *Zima* [5] saja dia boleh dia sampai *gini-gini* [macam ini] dia pakai bekung hijau orang itu hak lima *hok* [yang] pakai kuning tak payah main boleh nak main tapi dia kena buang pelajar *hok* [yang] kuning dia masuk hijau batik sebab *hok* [yang] kuning ini angkat *repih* [lipat] kaki dan sebagainya. Cara mematikan orang, cederakan orang. Kalau olahraga tidak boleh cedera dekat orang salah. Kita sepak kita boleh point siku pun, siku macam ni tidak boleh dah. Siku

macam ni tak apa, kalau pegang lutut ini tidak boleh dah lucut saja tak apa. Kita bagi setakat lima untuk pertahanan silat olahraga.

**SNNW : Dalam silat-silat yang Pak Su tahu kan? Ada perbezaan tak?**

**THMN** : Adalah perbezaan sikit-sikit sebab kita nak kata perbezaan tu cara penyampaian guru dia, cara dia kalau nak perbezaan dia tidak ada beza nak kata silat gayung tumbuk, terlak ***empat*** [4] pun tumbukjuga kalau lecah Genis sepakan) sepah tu terlak ***empat*** [4] pun sepakjuga. Maknanya atas sepak ke tumbuk itu atas cara masing-masing. Macam cekak dia tumbuk macam itu ***straight*** [lurus].

**SNNW : Selepas itu, ada berapa peringkat dalam silat ini?**

THMN : Dalam pertandingan ke? Silat terlak ***empat*** [4] ke pertubuhan ke apa?

SNNW : Terlak ***empat [4].***

THMN : Terlak ***empat*** [4] kita ada ***dua belas*** [12] peringkat. Bekung kita berpandu pada bekung, bekung bekung ***belt*** [tali pinggang] ***belt*** [tali pinggang].

**SNNW : (Ketawa) *Kaler* [warna] la.. setiap level tu ada *kaler* [wama]?**

**THMN : Ya. Ada *kaler-kaler* [wama-wama].**

**NSJ : Maknanya kalau yang paling rendah itu?**

**THMN &NSJ : Ada luar sana (serentak).**

**SNNW : Selepas itu, dalam banyak-banyak silat ini silat terlak empat (4] ini Pak Su paling--**

**THMN : Ya, bagi Pak Sujangan lepas macam itu, orang lain *lagu* [cara] orang lain. Bagi paksu memang terlak *empat* [4] sebab itu Pak Su mengajar terlak *empat* [4]. Pasal apa Pak Su tidak mengajar simande (sejenis silat). Selepas itu Pak Su mengajar terlak *empat* [4] cuti begini walaupun orang kata terlak *empat* [4] tidak tersohor tapi Pak Su pegang Malaysia *sepuluh* [IO] tahun lebih. Tahun *lapan puluh tujuh* [1987] Pak Su pegang malaysia. Tahun *lapan puluh tujuh* [1987] Pak Su bawa *team* [kumpulan] Malaysia silat terlak *empat* [4] tidak tersohor. Cuba contoh Pak Su bawak--- sampai tahun *sembilan puluh tujuh***

[1997] Pak Su berhenti pasal anak-anak besar. Mak Su kata tidak *dan* [sempatJ ini. Dia pergi kerja anak lelaki fahamlah duduk beret *dua betas* [12] anak Pak Su tingkatan *satu* [1J *katok* [pukul] orang dab. Selepas itu, Pak Su terpaksa berhenti kita duduk jaga habis *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] belaka *ngaji* [belajar] semua habis belaka barulah tahun *dua ribu tujuh* [2007] orang panggil balik masa di corup Malaysia tidak boleh satu pingat. Pangil balik Pak Su _ tu Pak Su pergi di Pahang kita menang juga selepas itu kita bawa beg *dua ribu lapan* [2008] *train* (latih) untuk *SEA Game 2009* [Southeast Asian Games 2009] . Jadi Alhamdulillah *SEA Game 2009* [Southeast Asian Games 2009] kita pergi *sepuluh* [10] orang saja silat kita boleh *empat* [4] emas, *Zima* [5] gangsa tapi luar itu *enam* [6] gangsa *satu* [1] lagi seni. *Empat* [4] emas *Zima* [5] gangsa selepas itu *sepuluh* [10] orang itu seorang kita tidak boleh silat olahraga jadi rekod paksu sekarang tiada orang boleh potong lagi.

SNNW : Pak Su *training* (latih] budak-budak itu sini ke Pak Su pergi KL [Kuala Lumpur]?

THMN : Bukit jalil. Duduk sana tinggal Mak Su seorang

SNNW : **Dalam silat ini Pak Su jadi jurulatib?**

THMN : Ya, ketuajurulatih.

SNNW : **Pak Su kan kena pergi jalan *sokmo* [selalu] bendak *training* [berlatib) silat. Pernab tak Pak Su pergi--- berapa lama masa Pak Su tinggal family?**

THMN : Lama. Kekadang bertahun duduk Bukit Jalil balik ***satu*** [1] bulan ***dua*** [2] bulan sekali selepas itu bertahun tinggal. Ini berani rumah ini tiada seorang berani dia duduk seorang. Mana ada kampung itu rumah itu tahun ***sembilan puluh Zima*** [1995] buat baru belaka ***hok*** [yang] ***nun*** [sana] tahun ***dua ribu Zima*** [2005].

SNNW : **Selepas itu, Pak Su kan duduk jaub dengan anak-anak dengan isteri jadi berhubung macam mana?**

THMN : Zaman dahulu telefon tanya khabar macam itu sebab sekarang ini masa ***loni*** [sekarang] ini kemudahan ada.

SNNW : Berapa lama Pak Su terlibat dalam seni silat terlak *empat* [4] ini ?

THMN : Terlak *empat* [4] tahun *tujuh puluh satu* [1971] sampai sekarang. Sekarang sempena *empatpuluh empat* [44] tahun kita akan buat bulan *sembilan* [9] kalau awak ada di sini paksu hantar surat kalau ada panggil mari makan mungkin kita buat sini kita tidak buat di stadium.

SNNW : Selepas itu, sepanjang Pak Su main sukan paksu tidak pernab cedera kan? Selepas itu, kalau main silat pernab ?

THMN : Tidak pemah, main bola biasa cedera silat tidak rajin kena. Selepas itu, Muay Thai yang sepet-sepet mata kena tumbuk dengan siku muay.

NSJ : Macam kawan saya ada *injured* [cedera] patah tangan ?

THMN : Tidak rajin. Alhamdulillah cuma pecah- pecah macam ini rebah. Panjang ini kena siku.

**SNNW : Kalan cedera dia ada ambik tindakan tidak dekat peserta lawan?**

*THMN* : Tiada, Muay Thai kalau silat tidak boleh. Kalau muay bebas, lutut semua siku kalau silat tidak boleh, silat itu sukan betul, muay pun sukan juga tapi sukan untuk cederakan orang.

**SNNW : *Process* [proses] Pak Su nak jadi jurulatih? Macam mana? *Process* [proses] apa Pak Su kena lalui?**

TH.MN : Jurulatih? Pak Su jadi jurulatih pasal tahun *sembilan puluh empat* [1994] *pertama* [1] silat olahraga bertanding di Malaysia jadi waktu itu Kelantan hantar pasukan. Salah seorang pesilat Kelantan boleh silat terbaik tahun *lapan puluh empat* [1984] silat terbaik Malaysia.

**SNNW : Pak Su?**

THMN : Bukan, anak murid Pak Su lepas itu Pak Su jurulatih dia orang. Silat terbaik Malaysia tahun *lapan puluh empat* [1984]. Tahun *lapan puluh Zima* [1985] dia menang lagi. Tahun *lapan puluh enam* [1986] dia pergi _ Australia dia patah tangan. Patah tangan sebulan dia pergi Australia bertanding boleh pergi *final*

[peringkat akhir] pasal jumpa dengan Indonesia pasal tangan dia duduk macam itu. Dia susuk tangan ini dia tepuk tangan ini sampai sekarang tangan dia belok.

**SNNW : Masa itu dia umur berapa?**

THMN : Muda lagi budak lagi umur ***dua puluh tahun*** [20]· selepas itu sambung yang tadi bila ramai pesilat Kelantan berjaya mewakili Malaysia, wakil Negara. Maka dengan secara tak langsung pihak ***PESAKA Malaysia*** [Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia] ambil Pak Su sebagai jurulatih. Sebab itu, permulaannya bukan kita mohon ke tidak benda ini. Jadi, pesaka ambil Pak Su jadi jurulatih.

**NSJ : Maknanya, dia tiada *selection* [pemilihan] ? Macam kena pergi Bukit Jalil tengok *hok* (yang] mana layak?**

THMN : ***Hok*** [yang] kelayakkan kita ada bertanding dengan peringkat negeri. Bertanding kejuaraan silat dia hari itu. Kelantan pergi terengganu yang mana yangjuara•juara kita ambil masuk skuad Malaysia.

**SNNW : Apa yang memotiwasikan Pak Su untuk sampai ke tahap ini?**

**THMN** : Memang kita Pak Su dari awal sampai akhir sekarang akhir-akhir ***empat puluh*** [40], ***tujuh puluh*** [70] semangat kalau orang latih, kita nak berlatih Malaysia tapi tidak pergi duduk serupa dulu. Boleh bila orang mari berlatih sini kita berlatih sebab untuk meninggikan tahap silat. Bila orang sebut ***hok*** [yang] main melayu sebab saja sekarang silat saja yang ada untuk orang melayu. Kalau tidak, berapa ratus taekwando disekolah-sekolah penuh teakwando di sekolah ibu bapa semua suka hantar teakwando. Jadi silat dia temurun sendiri bukan kerana silat tidak baik orang kita tidak baik. Serupa kata dulu proton saga ***tubik*** [keluar] di Malaysia tidak jadi apa, walha sekarang atas jalan raya ***lapan puluh*** [80] peratus kereta Malaysia duduk pakai. Itu orang melayu ini tidak fikir, taekwando pakai-pakai baju putih tunggu anak belajar silat tidak tunggu, tidak pergi hantar pun. Itu perbezaannya kelemahan orang kita sendiri. Kita buang ***hok*** [yang] kita ambil ***hok*** [yang] orang begini orang melayu.

**SNNW : Selain itu, apa lagi sumbangan Pak Su dalam silat terlak empat [4] ini?**

**THMN** : Sumbangan Pak Su terlak ***empat*** [4] ini memang kita sumbang ***sokrno*** [selalu] hendak suruh meninggikan tahap silat nak pula budak-budak anak-anak murid Pak Su itu kita ***sokmo*** [selalu] paksa dia sembahyang ***lima*** [5] waktu jangan tinggal, kalau nak periksa kita bagi faktor-faktor petua-petua untuk hendak

masuk peperiksaan apa yang boleh berjaya. Pak Su orang ***or*** [atau] tip2 dia--- Bangun subuh, sebelum pada subuh kamu bangun itu ambik air sembahyang solat sunat ***dua*** [2] rakaat menuntut ilmu kerana Allah. Sahaja aku sembahyang sunat ***dua*** [2] rakaat menuntut ilmu kerana Allah taala macam biasa. Sudah, ambil buku baca minta Allah lekat dalam fikiran baca-baca sampai subuh sudah sembahyang subuh pergi makan. Selepas itu pergi sekolah, kalau boleh buat ***lagu*** [macam] itu Insyaallah adik--- Allah yakin.

**SNNW : Apa pencapaian tertinggi Pak Su dalam silat?**

*THMN* : Pak Su tidak ada apa. Guru pertama sekarang ini silat sebab tiada ***tok guru*** [cikgu] belaka kita terlak ***empat*** [4]. Berapa tahun lagi kita--- selepas itu dari kerajaan negeri bagi pingat, Pingat Setia Mahkota yang amat terbilang itu ***satu*** [1] selepas itu ***hok*** [yang] kerajaan pusat bagi PPM[Pingat Pengakuan Negara] Ya, itu saja yang ada. ***Hok*** [yang] kerajaan negeri Kelantan tiada apa walaupun kita jurulatihnya.

**SNNW : Apa pengalaman yang berguna sekali bagi paksu sepanjang terlibat dalam silat? Pengalaman paling pahit ke manis ke?**

TH.MN : **Pengalaman? Serupa Pak Su pengalaman. Paksu bila tidak berjaya. Contohnya kita pergi bertanding kita dapat *tiga* [3] emas kita akan nak postmortem, bila nak postmortem habis tahun *dua ribu lima* [2005], *dua ribu enam* [2006] itu dia bagi ke orang lain. Tidak bagi tahu kita samaada nak *drop* [gugur] ke tidak. Kecewa kita sebab kita nak postmortem sebab kita kalah mudah-mudahan *dua ribu tujuh* [2007] itu kita boleh buat--- perbaiki silat-silat kita. Tidak, dia tukar dia bagi orang lain jadi benda ini berlaku tahun *sembilan puluh tujuh* [1997], tahun *sembilan puluh lima* [1995] paksu bawak *SEA Games* [ Southeast Asian Games] *Chiangmai [Vietnam]* kita dapat *tiga* [3] emas. Budak kita boleh menang pasal apa kita kalah? Pak Su betul-betul hendak postmortem masa batik Pak Su dah janji batik nanti kita buat tapi balik-balik dia bagi ke orang lain jadi jurulatih.**

NSJ : **Maknanya Pak Su tidak tabu dia tukar jurulatih?**

THMN : **Tidak tahu, tidak pemah bagi surat tidak pemah apa ini dasar orang melayu selepas itu kita lepas bila orang lain jadi jurulatih tahun *sembilan puluh tujuh* [1997]. Dia ada zon, kejuaraan silat zon kelantan, zon timur satu pasukan. Pulau pinang campur Kelantan jadi *satu* [1] zon jadi dia pukul timur habis jadi *tiga* [3] bulan nak pergi zon kelatan menang paksu ketua jurulatih dia ambil Pak Su jadi jurulatih. Pak Su nak *train* [latih] apa *tiga* [3] bulan? Sedangkan**

budak itu *train* [latih] dengan orang lain bertahun-tahun cara main *block* [halang] begini pun kita tidak tahu kita tidak pemah ajar (ketawa). Orang sepak *block* [halang] begini macam-macam, kita latih untuk stamina saja. Bila pergi Indonesia tahun sembilan puluh tujuh [1997]. Kita kalah bukan sebab paksu tapi bila buat *statement* [penyata] pengurus buat buruk ke kita la dah kita ketua jurulatih. Tapi budak kita *menangfinal* [peringkat akhir]. Dahjumpa Indonesia. Indonesia tidak akan beri ke Malaysia tambah-tambah main tempat dia main di peronokan. Nur Afzan sepak kena lutut nampak lutut *tubik* [keluar] dia kata kita tarik diri sepatutnya *disqualified* [dibatalkan], *disqualified* [dibatalkan] sepak lutut *tubik* [keluar] ini. Dia kata kita tarik diri. Pak Su sepak *alik* [sebelah] kiri (bunyi jatuh) masuk dalam gelanggang (ketawa). Hendak buat macam mana, mati pun mati situ la tempat orang pun (ketawa) nak marah sangat. Itu ceritanya, itu yang paling kecewa Pak Su nya.

SNNW : Selepas itu, Pak Su kerja ada tak dapat tekanan daripada-daripada orang lain?

THMN : Memang banyakla tekanan

SNNW : Macam mana Pak Su *handle* [uruskan]?

THMN : Kita, Pak Su kalau tekanan paksu *rileks* [bertenangJ serupa contoh jatuh begini budak kita kalah main wasik tidak bagus, kita kena *bubuh* [fikir] bukan wasik tidak bagus, tiada rezeki kita. Tiada rezeki kita budak kita main (bunyi jatuh) jatuh kita kalah, memang wasik itu tapi rezeki kita tiada di situ sabit wasik tulisnya.

SNNW : Pak Su pernah jadi wasik?

THMN : Ya, Pak Su pemahjadi wasik tahun *sembilan puluh empat* [l994J, *lapan puluh empat* [1984] itu paksu jadi wasik dah. Selepas itu, Pak Su jadi pengadil seni antarabangsa selepas itu Pak Su tidak mahu jadi wasiknya payah nak fikir dosa banyak. Budak berlari petuh peluh sapa kaki kepala tidak? Dia menang kita bagi kalah berdosa kita sebab itu macam cikgu azam dia ajar belaka wasik, juri dalam malaysia pun. Menang *lima puluh Zima puluh* [50/50] kamu kena tanya sesiapa. Kalau *empat Zima Zima puluh* [45/50] jangan berdosa tentu.

SNNW : Selepas itu, sepanjang Pak Su terlibat dalam silat ini apa macam masalah paling besar sekali Pak Su pernah hadapi?

Paksu : Kalau Kelantan masalah *falus* [duit]. Kelantan hendak pergi berlatih itu *tiga ringgit* [RM3] wajib. Sebab itu, kelantan memang kita kuat tapi kita tiada sumber-sumber sebab sekarang orang melayu sekarang ada duit tapi tidak berminat untuk nak tolong. Itu kita orang melayu. Semuala terpaksa berlatih sini sebelum pergi kepada wakil negeri Pak Su buat *tubik* [keluar]. Kalau tanak, Mak Su tanya berapa orang? *Tiga puluh* [30] orang? Dia buat *tubik* [keluar] beras untuk *tiga puluh* [30] buat tanak nasi, gulai *loni* [sekarang] lagi susah tiada orang <lulu adalah wawa, jun apa mari berhimpun tolong pakat tanak *sep* (geng) dia. *Rileks* [bertenang] begini saja wawa, itu tukang masak belaka. Yang itu kita masalahnya kita negeri Kelantan kita tidak boleh pergi jauh silat sebab kita tidak ada *support* [sokongan] moral daripada orang. Orang lain, negeri lain misal kata Pahang duduk sana di kompleks dia bertahun duduk situ elaun *Zima* [5] *enam* [6] ratus sebulan. Pergi sekolah pergi hantar lagi makan *free* [percuma] dudukfree [percuma] jurulatih *training* [latih] saja.

NSJ : Pak Su *training* (berlatih] sini saja?

THMN : Kita *training* [berlatihJ sini, kalau nak buat streching siapa nak bayar? Hendak kumpul budak *lapan belas* [18] orang, *dua puluh Zima* [25] orang sekali dengan

jurulatihnya *tiga puluh* [30] orang kata *sepuluh* [10] hari tidak *seratus lima puluh ringgit* [RM150] sehari? Siapa nak bayar? Kena seminggu jadi terpaksa pertubuhan masing-masing ala kadar, ala kadar macam kata gayung cikgu buat rumah dia, kita buat rumah kita, macam itu kalau nak, tiada *support* [sokongan]. Kita orang melayu payah kalau silat kalau bola bagi belaka.

SNNW : Apa sumbangan Pak Su paling besar sekali terbadap Negara?

THMN : Pak Su? Sumbangan? Pak Su bagi sumbangan *hok* [yang] *last* [akhir] sekali beri *empat* [4] pingat emas dan *lima* [5] gangsa dan hari itu pula seorang pesilat kita pingat ketiga puluh Malaysia target *tiga puluh* [30] emas masa di corrupt pesilat yang ke tiga puluh [30] dia bila-- pingat ke *tiga puluh* [30] itu fauzi pingat ke *tiga puluh* [30] baju kuning Fauzi Khalid.

NSJ : Kalau peringkat negeri?

THMN : Peringkat negeri paksu sukma, kebangsaan. Sukma Kelantan kita tidak pemah balik memang tidak kosong *sokmo* [selalu] ada pingat silat.

**NSJ : Selepas itu, jurulatih sukma tahun?**

THMN Tahun ***lapan puluh empat*** [1984] ***start*** [bennulaJ sukma itu ***lapan puluh lapan*** [1988]. Tahun ***lapan puluh lapan*** [1988] sehingga tahun ***dua ribu*** [2000], ***dua ribu Zima*** [2005] tidak mahu pegang lagi. ***Dua ribu Zima*** [2005], ***dua ribu enam*** [2006] tidak mahu pegang lagi. ***Last*** [akhir] sekali ***alih*** [belah] Pahang kalah Pahang dua ribu berapa tidak tahu 2011,2010.

NSJ : ***Dua ribu dua be/as*** **(2012)?**

THMN : ***Dua ribu sepuluh*** [2010] la Terengganu ***dua ribu sepuluh*** [2010] ***dua ribu lapan*** [2008] tak ingat dab. Last sekali pegang sukma sebagai budak--- Paksu dilantik sebagai jurulatih oleh pesaka Malaysia. Dewan tertinggi dalam pesilat Negara. Pak Su bersama Tan Sri Maydin sekali jadi kalau ada apa-apa masalah dia pangil tok guru di kuala lumpur mesyuarat dengan pengerusi semua. Ada masalah-masalah dalaman silat dia itu pakat dalam silat.

**SNNW : Selepas itu, kenangan paksu *hok* [yang) paling Pak Su ingat sekali sepanjang Pak Su terlibat dalam bidang silat ini?**

THMN : Kenangan ***hok*** [yang] sedap sekali, suka sekali walau ***time*** [masa] itu kita tiada duit. ***Time*** [masa] di filipina, ***sembilan puluh satu*** [1991]. Masa itu Pak Su ketua jurulatih kita dapat ***Zima belas*** [15], ***Zima*** [5] emas, ***Zima*** [5] perak, ***lima*** [5] gangsa. Kita pergi ***Zima belas*** [15] orang semua boleh walau ***time*** [masa] itu tidak banyak tapi ***time*** [masa] itu Thailandjuga ada dah filipina, Indonesia ada dab cuma kita tidak ada Vietnam, singapura ada. Walaupun kita tiada duit budak memang semangat ***training*** [berlatih] sebab budak bila ***tubik*** [keluar] dari Malaysia jadi wakil Negara ini kita boleh pakai baju Malaysia ***agah*** [bangga] tidak mudah sebab itu ingat sekali sea game tahun ***sembilan puluh lapan*** [1998] Pak Su menangis dengan orang putih. Orang putih duduk belakang paksu dia jadi jurulatih. Masa ***tubik*** [keluar] dari stadium mereka kontinjen Negara kita Malaysia ***teriok*** [menangis] boleh kata keseluruhan kontijen kita ***tubik*** [keluar] air mata walau baris semua tepuk sorok orang. Itu ***SEA Games*** [Southeast Asian Games] pertama Pak Su pegang sukan tahun ***lapan puluh sembilan*** [1989] masa itu semangat kita rasa nak melompat gembira boleh jadi wakil negara ***loni*** [sekarang], gembira boleh ***pitih*** [duit] sekarang main silat ***enam ribu ringgit*** [RM6000] sebulan taja. Duduk bukit jalil, ***enam ribu ringgit*** [RM6000], ***empat ribu ringgit*** [RM4000] seorang elaun, makan ***free*** [percuma], duduk ***free*** [percuma]. Tidak tahu tengak atas ***SEA Games*** [Southeast Asian Games] sini macam mana kalau dapat banyak alhamdulillah, tidak dapat juga.

SNNW : **Apa Pak Su dapat pada sepanjang kesilapan-kesilapan pada masa dahulu?**

Sebelum ini silat-silat apa Pak Su pernah belajar?

*THMN* : Silat? Pemah belajar silat-silat? Kesilapan ke? Okay, kalau kesilapan itu belajar dari kesilapan apa yang kita buat kita perbetul. Kita earl kita latih tidak betul ke tidak dapat pingat ke? *Sabit* [sebab] itu Pak Su kata kita kena postmortem, postmorteem saja cara untuk perbetulkan kesilapan kita. Itu tujuan postmortem kalau kita tidak buat postmortem makna kalau kita tidak buat makna betul belaka. Makna sebelum postmortem itu atas kesilapan macam budak kita itu bo]eh buat jatuh ke boleh buat macam mana ke. Ya, itu.

SNNW : Selepas itu, apa macam yang perlu ada pada atlet itu untuk berjaya dalam silat?

